



## **PEJABAT PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHE)**

### **CADANGAN PELAKSANAAN PROSES PEMBERSIHAN DAN NYAHKUMAN PENCEGAHAN COVID-19 BAGI AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN / LAIN-LAIN AKTIVITI YANG BERKAITAN**

1. Proses pembersihan dan nyahkuman dilaksanakan selepas sebarang aktiviti selesai (contoh: Mesyuarat / Program / Acara / Kuliah / Kursus / Bengkel / Seminar / lain-lain)
2. Pembersihan dan nyahkuman adalah sangat digalakkan untuk dilakukan secara kerap dalam sehari terutamanya pada kawasan yang kerap di sentuh seperti permukaan meja, tombol pintu / tingkap, permukaan kaunter, papan kekunci komputer dan sebagainya.
3. Bagi bilik kuliah / ruang PdP, proses pembersihan dan nyahkuman dilaksanakan pada waktu yang bersesuaian dengan pelaksanaan aktiviti PdP sama ada sebelum atau selepas aktiviti PdP dijalankan.
4. Rujuk PTJ masing-masing bagi keperluan peruntukan pembersihan dan nyahkuman
5. Pengguna juga digalakkan untuk menyahkuman permukaan yang disentuh menggunakan *cleansing wipe* yang bersesuaian (sendiri).
6. Senarai bahan nyahkuman dan cara penyediaan boleh dirujuk pada Prosedur Kerja Selamat Pencegahan COVID-19 Di Tempat Kerja / Ruang Kerja Pusat-Pusat Tanggungjawab UTHM yang telah dikeluarkan oleh Pejabat OSHE.
7. Sekiranya terdapat kes positif COVID-19 berpunca daripada aktiviti yang dijalankan, pihak penganjur / PTJ / penyelaras premis / pejabat / mana-mana yang terlibat hendaklah merujuk dan mendapatkan nasihat daripada pihak Pusat Kesihatan Universiti bagi keperluan pembersihan dan nyahkuman.

KEMASKINI 25 OKTOBER 2021